

# IPT perlu program akademik lebih berdaya saing

Oleh [Fahmy A Rosli](#) - Julai 25, 2021 @ 1:20pm

[fahmy.azril@bh.com.my](mailto:fahmy.azril@bh.com.my)



Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran

CYBERJAYA: Institusi pengajian tinggi (IPT) disaran meneroka program akademik lebih berdaya saing untuk tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata IPT yang hanya bergantung pada program pengajian sedia ada untuk ditawarkan, mungkin menyebabkan bidang itu tidak diperlukan lagi selepas pelajar mengikutinya.

Beliau berkata, situasi seumpama itu pasti tidak membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan, terutama dengan adanya impak Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dan pandemik COVID-19.

"Jadi, IPT perlu memikirkan kemampuan program bakal ditawarkan pada masa depan, misalnya ada negara sudah menjangka beberapa jenis pandemik bakal berlaku dan bersedia dengan kajian mengenai virus.

"Apabila berlaku penularan sesuatu wabak, mereka sudah ada data mencukupi untuk menghasilkan vaksin, seterusnya mengaut keuntungan besar, manakala negara lain baru memulakan kajian, begitu juga dalam aspek penawaran program akademik," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas peranan IPT membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan tempatan yang kini berada pada kadar 84.4 peratus.

Mengulas lanjut, Mohammad Shatar berkata, IPT perlu mencari formula supaya mampu menawarkan program sangat kritikal pada masa depan, namun pada masa sama tetap memastikan kualiti program itu berada pada piawaian ditetapkan.

Katanya, kajian pasaran komprehensif perlu dilakukan dengan mengumpul input dalam kalangan majikan dan lawatan keluar negara apabila rentas sempadan negara dibenarkan nanti bagi meneroka program lebih diperlukan industri.

"IPT perlu bersedia melupuskan program akademik tidak relevan kerana kita mahu pelajar IPT tempatan hanya mengikuti program yang ada potensi luas dalam pasaran kerjaya.

"Sudah tiba masanya IPT menyediakan program akademik lebih mesra dunia pekerjaan dari peringkat awal pengajian supaya mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan di negara ini," katanya.